



DANA PROGRAM PEMBIAYAAN **AGROTEKNOLOGI MADANI**



KADAR KEUNTUNGAN SERENDAH 2%

Skop Pembiayaan:

- Perolehan peralatan atau teknologi bagi memacu peningkatan pengeluaran hasil dengan kualiti atau kuantiti yang lebih tinggi berbanding kaedah konvensional;
- Perolehan teknologi dan sistem yang telah digunakan oleh mana-mana projek sedia ada dan yang telah diperakukan hasil oleh pihak berautoriti; dan
- Peluasan skop perniagaan dan penggunaan teknologi hendaklah menyumbang kepada peningkatan produktiviti dalam aktiviti pertanian.



SILA IMBAS UNTUK
PERMOHONAN PEMBIAYAAN



HAD PEMBIAYAAN

Minimum RM10,000
Maksimum RM5,000,000

MARGIN PEMBIAYAAN

Margin pembiayaan sehingga 100%

TUJUAN PEMBIAYAAN

- PEMBELIAN ASET
- KOS PEMBANGUNAN PROJEK
- MODAL KERJA

KRITERIA TEKNOLOGI

- Teknologi yang dapat meningkatkan pengeluaran dan menghasilkan kualiti dan kuantiti yang lebih tinggi berbanding kaedah konvensional.
- Jenis teknologi adalah seperti *Controlled Environment Agriculture*, pertanian bandar (*urban farming*), teknologi mekanisasi dan automasi, teknologi 4IR (IoT, AI, *blockchain*, bahan atau teknologi termaju dan *cloud computing* serta analisis data raya) dan teknologi hijau (termasuk bioteknologi, tenaga boleh diperbaharui dan *waste-to-wealth*) dalam meningkatkan produktiviti ke arah keterjaminan makanan.

SYARAT KELAYAKAN

- Individu dan bukan individu (entiti perniagaan);
- Berumur 18 tahun (semasa permohonan) sehingga 70 tahun (pada tarikh matang pembiayaan);
- Bagi bukan individu, entiti perniagaan mestilah dimiliki sebanyak 51% oleh warganegara Malaysia yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atau organisasi yang berdaftar dengan mana-mana agensi yang diluluskan oleh KPKM yang beroperasi di Malaysia;
- Aktiviti dengan skala operasi yang bersesuaian bagi tujuan komersial (kesesuaian skala operasi tertakluk kepada jenis projek pertanian)
- Menghasilkan produk bagi tujuan domestik atau eksport;
- Perluasan perniagaan dengan penggunaan teknologi adalah ke arah peningkatan produktiviti sektor pertanian;
- Sekiranya kegiatan perniagaan dilaksanakan di suatu ruang/lot, perlu didaftarkan secara komersial menurut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] (Bahagian IV Kawalan Perancangan, Seksyen 18) dan/atau tindakan yang relevan yang berkaitan dengan penggunaan tanah untuk pertanian;
- Program adalah terbuka kepada pertanian kontrak dan pertanian bukan kontrak;
- Aktiviti perniagaan mestilah patuh Syariah; dan
- Tiada prosiding kebangkrutan atau diisytiharkan muflis atau di bawah mana-mana prosiding penghakiman.

TEMPOH PEMBIAYAAN

Sehingga 10 tahun (120 bulan) termasuk 8 bulan (*grace period*) tempoh penangguhan bayaran pembiayaan.

KAEDAH PERMOHONAN

Berdaftar dengan Bahagian Pemodenan Pertanian (BPP), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi sistem eBorang KPKM (<https://kpkmborang.my/user/login>) dan hantarkan borang permohonan kepada Agrobank.

Sila imbas kod QR yang disertakan untuk **Langkah 1 : Pendaftaran** dan **Langkah 2: Maklumat Terperinci Pembiayaan**.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi seperti alamat dibawah.



Bahagian Pemodenan Pertanian (BPP)
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan,
Aras 4, Blok 4G1, Podium 1B
Wisma Tani, No. 28, Persiaran Perdana,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62624, Putrajaya.
No. Tel : 03-8870 1047
E-mel: admin.bpp@kpkm.gov.my

<https://bit.ly/kpkm-agroteknologi-madani>



Leboh Pasar Besar, 50726,
Kuala Lumpur Malaysia
Tel: +603 2731 1600
Faks: +603 2691 7790
E-mel:
customer@agrobank.com.my

- Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Pusat Panggilan Agrobank** di **1-300-88-2476** atau layari www.agrobank.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan Agrobank di seluruh negara.

* Tertakluk pada terma dan syarat